

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN JUGAH ANAK MUYANG @  
TAMBAT [ LUBOK ANTU ]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT [ LUBOK ANTU ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan liputan terkini sistem telekomunikasi selular di kawasan parlimen P.203 Lubok Antu merangkumi kawasan Ulu Engkari , Ulu Skrang dan Ulu Menjuau serta rancangan pihak Kementerian dan sasaran tarikh siap penambahbaikan sistem telekomunikasi selular ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memberi tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur komunikasi selular melalui penyediaan menara komunikasi dan penaiktarafan alat pemancar komunikasi kepada perkhidmatan 4G di menara sedia ada.

Di bawah inisiatif pelan JENDELA, sebanyak 25 menara komunikasi baharu dan 37 alat pemancar komunikasi di menara sedia ada telah dirancang untuk dinaik taraf kepada perkhidmatan 4G di kawasan Parlimen Lubok Antu.

Bagi kawasan Ulu Engkari, terdapat satu (1) menara baharu sedang dirancang untuk dibina. Manakala di Ulu Skrang pula, terdapat tiga (3) alat pemancar komunikasi sedia ada akan dinaiktaraf kepada liputan 4G. Di kawasan Ulu Menjuau pula, dua (2) menara baharu dirancang untuk dibina di kawasan berkenaan. Kesemua perancangan ini akan dilaksanakan secara berperingkat bermula 2021 sehingga 2022.

Walau bagaimanapun, segala inisiatif pembangunan infrastruktur digital ini memerlukan kerjasama dari semua pihak, terutamanya di peringkat Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk pemudahcaraan proses dan kelulusan bagi projek-projek yang telah dirancang dan yang akan dilaksanakan.